

PENGURUSAN INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK PASCA COVID-19: KAJIAN PELAKSANAAN DAN PEMATUHAN PROSEDUR DI TADIKA MUKIM TEMIN, KUBANG PASU, KEDAH

MANAGEMENT OF EARLY CHILDHOOD EDUCATION INSTITUTIONS POST COVID-19: A STUDY ON THE IMPLEMENTATION AND COMPLIANCE OF PROCEDURES IN MUKIM TEMIN KINDERGARTEN, KUBANG PASU, KEDAH

Rafidah Mohamad Cusairi¹

Rukhaiyah Abd Wahab²

Sharifah Ismail³

Mohd Akram Dahaman@Dahlan⁴

Norida Minhat@Minhaj⁵

¹ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Email: mcrafidah@uum.edu.my)

² Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Email: rukhaiyahaw@uum.edu.my)

³ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Email: sharifah@uum.edu.my)

⁴ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Email: akram@uum.edu.my)

⁵ Kementerian Pendidikan Malaysia (Email: g-76524807@moe-dl.edu.my)

Article history

Received date : 10-10-2023

Revised date : 11-10-2023

Accepted date : 24-11-2023

Published date : 15-12-2023

To cite this document:

Mohamad Cusairi, R., Abd Wahab, R., Ismail, S., Dahaman@Dahlan, M. A., & Minhat@Minhaj, N. (2023). Pengurusan institusi pendidikan awal kanak-kanak pasca Covid-19: Kajian pelaksanaan dan pematuhan prosedur di Tadika Mukim Temin, Kubang Pasu, Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 102 – 113.

Abstrak: Pendidikan prasekolah sangat penting kepada kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan formal pada peringkat sekolah rendah. Walaubagaimanapun, pandemik Covid-19 telah memberi impak yang signifikan terhadap landskap pendidikan prasekolah di Malaysia dan seluruh dunia. Pembukaan semula institusi Pendidikan selepas pandemik Covid-19 telah mewujudkan cabaran baharu kepada semua pihak termasuklah pentadbir, guru dan para waris. Kajian ini meneliti persiapan yang perlu dilakukan oleh pihak pengusaha bagi memastikan premis dalam keadaan bersedia dan mengikuti SOP yang ditetapkan sebelum pembukaan semula pusat Pendidikan prasekolah. Selain itu kajian ini akan menganalisis bentuk kerjasama waris dan penjaga di dalam mematuhi SOP. Kajian ini menggunakan metod fenomenologi iaitu bagi memahami kehidupan berdasarkan pengalaman sebenar sesuatu

peristiwa atau situasi. Kajian ini melibatkan analisis terperinci terhadap isu yang dihadapi oleh pengusaha pusat pendidikan prasekolah, termasuk pematuhan SOP oleh semua pihak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak pengusaha Tadika, guru besar dan guru, telah berjaya memenuhi keperluan SOP seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Perpaduan Negara. Kesimpulannya, kajian ini mendapati premis Tadika telah menyediakan fasiliti asas mengikut spesifikasi yang ditetapkan sebelum membuka semula premis dengan mematuhi syarat operasi norma baharu. Kerjasama antara waris/penjaga dengan pihak sekolah dalam mematuhi SOP semasa di sekolah menunjukkan hubungan yang positif. Selain itu, kajian ini juga mendapati para pengusaha Tadika dan guru menjadi lebih bersedia, terbuka untuk meneroka peluang baharu serta mempelbagaikan kaedah pengajaran seiring dengan perkembangan semasa.

Kata kunci: *Pandemik Covid-19, PKP, Presekolah, Tadika, Prosedur Operasi Standard (SOP)*

Abstract: *Preschool education is very important for children before entering formal education at the primary school level. However, the Covid-19 pandemic had a significant impact on the preschool education landscape in Malaysia and around the world. The reopening of educational institutions after the pandemic created new challenges for all parties including administrators, teachers, and parents/guardian. This study examines preparations carried out by Kindergarten to ensure that the premises are ready and follow the Standard Operating Procedure (SOP) set before reopening. This study will also analyse the form of cooperation of parents/guardian in complying with the SOP. To achieve this, the study adopts phenomenological method to understand people's life based on the actual experience of an event or situation. This method involves a detailed analysis of the issues faced by preschool education centre operators, including SOP compliance by all parties. The findings show that Kindergarten operators, principals, and teachers, have successfully met the SOP requirements as set by the Malaysian Ministry of Education and the Ministry of National Unity. In conclusion, the study found that Kindergarten premises have provided basic facilities in accordance with the specifications required before reopening the premises to comply with the operating conditions in the new norms. The cooperation between parents/guardian and the school in complying with the SOP demonstrates a positive relationship. In addition, this study also found that Kindergarten operators and teachers have become more prepared, open to exploring new opportunities and diversifying teaching methods in line with current developments.*

Keywords: *Covid-19 Pandemic, MCO, Preschool, Kindergarten, Standard Operating (SOP)*

Pendahuluan

Pendidikan awal kanak-kanak terutamanya peringkat prasekolah merupakan asas pendidikan bagi kanak-kanak sebelum memasuki pendidikan sekolah rendah, kini dianggap semakin penting oleh ibu bapa pada zaman sekarang. Keperluan ini dapat dilihat melalui peningkatan bilangan kelas prasekolah di sekolah kerajaan dan swasta. Ibu bapa biasanya memilih Tadika berdasarkan kepada populariti premis yang menjadi pilihan masyarakat (Putri Zabariah, Bustam Kamri & Raja Hamizah, 2007). Pemilihan institusi pendidikan yang tepat pada peringkat awal kanak-kanak amat penting kerana ini akan memberi kesan kepada emosi kanak-kanak yang akan melalui peralihan pendidikan dari pendidikan tidak formal di rumah ke pendidikan formal di sekolah (Al Shatti, 2011).

Kanak-kanak di Malaysia, kebiasaannya seawal usia empat tahun telah menerima pendidikan formal melalui pendidikan di prasekolah. Walau bagaimanapun, pendidikan prasekolah bukanlah satu kewajiban, tetapi sangat disarankan bagi kanak-kanak yang berumur enam tahun sebagai persiapan untuk memasuki sekolah rendah. Menurut laman web *MyGovernment*, kebanyakan Sekolah Kebangsaan telah mewujudkan kelas prasekolah, dengan keutamaan diberikan kepada keluarga berpendapatan rendah. Pendidikan prasekolah di Malaysia juga dilaksanakan dengan kerjasama beberapa agensi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Tabika Perpaduan, Tabika KEMAS dan Tabika di bawah kerajaan negeri seperti Tadika Islam MAIWP dan prasekolah JAIS, serta Tadika swasta (*MyGovernment*, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (n.d).

Tahun 2020 telah membawa perubahan yang besar disebabkan oleh pandemik Covid-19, dengan hampir 225 negara terlibat. Sektor pendidikan terutamanya terkesan dengan perubahan ini. Sebagai contoh, di Sweden, universiti dan sekolah menengah telah beralih kepada pembelajaran dalam talian. Di California pula, hanya prasekolah bagi kanak-kanak yang ibu bapa mereka berada dalam perkhidmatan asas (*essential services*) sahaja dibenarkan beroperasi dengan mengikut syarat tertentu dan di Norway, prasekolah dan sekolah ditutup sepenuhnya (Samuelsson, Wagner, & Ødegaard, 2020). Begitu juga di Malaysia, dalam suasana norma baharu ini, semua pihak termasuk pengusaha tadika, ibu bapa, dan murid berhadapan dengan cabaran dalam menjalankan peranan masing-masing mengikut suasana norma baharu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan semua pihak terjamin. Pengusaha tadika perlu memastikan prasarana sedia ada dalam keadaan baik dan membuat penambahbaikan atau menyediakan kemudahan baharu di premis tadika bagi mematuhi SOP.

Pembukaan semula premis pekerjaan, termasuk sektor ekonomi, politik dan sosial seperti pendidikan telah mewujudkan cabaran Baharu kepada semua pihak. Bagi sektor pendidikan, pusat pendidikan prasekolah seperti Tadika adalah antara premis pertama yang dibuka semula selepas tempoh PKP, iaitu pada 1 Julai 2020. Meskipun kebenaran yang diberikan oleh kerajaan untuk menjalankan operasi Tadika disambut baik, pengusaha Tadika perlu menghadapi pelbagai cabaran dalam persiapan untuk memulakan operasi Tadika. Antara persiapan yang perlu dilakukan termasuklah memastikan pematuhan SOP di premis Tadika dan memastikan semua guru serta murid dapat menyesuaikan diri dengan norma baharu. Pengusaha Tadika juga perlu mengikuti pelbagai taklimat secara maya untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai SOP pengoperasian Tadika, persiapan infrastruktur dan penambahbaikan kemudahan yang sedia ada. Selain itu, perlengkapan baru yang spesifik untuk tujuan menjaga kebersihan dan keselamatan semua pihak daripada dijangkiti atau menyebarkan virus Covid-19 juga perlu disediakan. Norma Baharu ini, merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh pengusaha, pentadbir, guru, murid dan juga waris.

Namun, terdapat beberapa isu yang dihadapi oleh pengusaha tadika dalam mematuhi spesifikasi baharu yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri, termasuklah isu pematuhan SOP oleh pihak pentadbir, tenaga pengajar, pelajar dan para waris. Pihak tadika juga perlu memastikan langkah-langkah penjagaan dari segi penjagaan jarak, pemakaian pelitup muka, penjagaan keselamatan dan kebersihan diri semua pihak dilaksanakan. Pengusaha tadika juga berhadapan dengan isu penambahbaikan prasarana di premis bagi menyesuaikan mengikut keperluan pasca PKP. Hal ini kerana, keperluan penjagaan jarak di antara satu sama lain mengambil kira keluasan premis sedia ada yang terhad sedangkan pihak pentadbir berhadapan dengan dilema untuk menerima pelajar yang telah berdaftar yang ramai. Selain itu, pentadbir juga menghadapi cabaran apabila berurusan dengan para waris. Iaitu

pentadbir perlu memastikan para waris telus di dalam menyampaikan maklumat berkaitan kesihatan anak masing-masing, bagi menjaga keselamatan pelajar lain di premis tadika tersebut dan pentadbir perlu memastikan waris mengikut SOP menghantar anak ke sekolah.

Berdasarkan permasalahan di atas, kajian ini bertujuan untuk menilai ketersediaan fasiliti di tadika dalam mematuhi SOP pentadbir, melihat kerjasama waris dalam mematuhi SOP ibu bapa dan kanak-kanak, serta mengetahui cabaran dalam melaksanakan pematuhan SOP di tadika di kawasan mukim Temin, Daerah Kubang Pasu. Kajian ini sangat penting kepada institusi pendidikan prasekolah, taman asuhan dan didikan kanak-kanak seperti tadika dan tabika agar penambahbaikan dapat dilakukan dalam era pasca COVID-19.

Kajian Kepustakaan

Prasekolah atau Tadika adalah sebutan bagi sistem pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Di Malaysia terdapat pelbagai pusat pendidikan awal kanak-kanak seperti Taman Bimbingan Kanak-kanak (tabika), Taman Asuhan Kanak-kanak (taska) atau Pusat Anak Genius Negara (PAGN, PERMATA) bagi kanak-kanak berumur empat tahun kebawah, dan Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika), Prasekolah, atau Kindergarten untuk kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun (Nor Hashimah & Yahya, 2007).

Pendidikan prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ditawarkan di pelbagai jenis sekolah dan institusi termasuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Pendidikan Khas, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) serta beberapa jenis sekolah lain di bawah KPM.

Pendekatan yang sama juga digunakan kerajaan Malaysia iaitu pada 18 Mac 2020, telah mengarahkan semua institusi pendidikan ditutup (Majlis Keselamatan Negara, 2020). KPM juga telah mengeluarkan surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2020 berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang perlu diikuti semasa PKP yang telah berkuat kuasa pada 27 Mac 2020. Garis panduan ini adalah untuk memastikan pembelajaran pelajar tidak terjejas (garis panduan pengurusan SOP Covid-19). Oleh itu, pendekatan pedagogi secara fizikal telah sepenuhnya beralih ke pengajaran dan pembelajaran dalam talian (Dhawan, 2020).

Tabung Kecemasan Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) memberikan perhatian yang serius terhadap pendidikan kanak-kanak. UNICEF telah menyediakan garis panduan untuk pembukaan semula operasi pusat asuhan (UNICEF, 2020). Garis panduan ini menerangkan prinsip-prinsip pembukaan semula tadika dan prasekolah pasca Covid-19. Lima langkah-langkah yang perlu diberi perhatian untuk pembukaan pusat asuhan adalah: menentukan pembukaan semula tadika dan prasekolah, memastikan operasi tadika dan prasekolah yang selamat, memastikan pembangunan dan kesejahteraan kanak-kanak, memastikan adanya sokongan dan komunikasi ibu bapa, dan memastikan adanya latihan dan sokongan kakitangan.

Di Malaysia, Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai badan tertinggi yang bertindak untuk meluluskan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi semua sektor perkhidmatan, ekonomi, sosial dan sebagainya. Bagi hal-hal berkaitan sektor sosial yang turut mencakupi perkhidmatan taska dan pusat jagaan warga emas, SOP disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) (Majlis Keselamatan Negara, 2020). Manakala Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengeluarkan Garis Panduan Pembukaan Semula

Sekolah untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada semua sekolah termasuk prasekolah, tabika, tadika kerajaan dan swasta (Kementerian Pendidikan, 2020). Berdasarkan kepada Mesyuarat Khas Menteri-Menteri mengenai pelaksanaan PKP pada 15 Jun 2020, ahli mesyuarat telah bersetuju tarikh pembukaan semula prasekolah, Tabika, Tadika kerajaan dan swasta adalah bermula dari 1 Julai 2020. Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perpaduan Negara telah mengeluarkan satu garis panduan khas yang mengandungi peranan dan tanggungjawab pentadbir, guru, pembantu urusan murid, ibu bapa atau waris.

Garis panduan ini turut mengandungi panduan pelaksanaan seperti pengoperasian prasekolah, waktu tiba dan pulang serta pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) prasekolah. Pihak pentadbir pula, perlu memastikan guru dan pembantu pengurusan murid membuat persediaan sebelum pembukaan semula kelas termasuk memastikan tiada penggunaan permaidani, tikar dan skirting meja. Bilik kesihatan dan bilik sakit juga perlu disediakan sebagai bilik isolasi bagi menempatkan murid yang didapati bergejala sebelum murid tersebut dibawa oleh ibu bapa atau penjaga untuk dapatkan rawatan. Begitu juga waris atau penjaga mereka tidak dibenarkan memasuki kawasan premis prasekolah serta perlu memastikan anak-anak mereka tidak membawa beg sekolah dan bekalan makanan minuman. Mereka juga digalakkan untuk membawa pelajar terus pulang ke rumah selepas sesi persekolahan. Di sebalik suasana kesihatan awam yang berisiko ini, ibu bapa atau penjaga tetap digalakkan supaya menghantar anak ke prasekolah, tabika atau tadika supaya mereka dapat menguasai pengetahuan serta kemahiran asas agar tidak keciciran dalam pendidikan (Bernama, Jun 2020).

Fasiliti di Tadika (ketersediaan fasiliti di Tadika bagi mematuhi SOP pentadbir)

Persekitaran fizikal atau fasiliti di pusat penjagaan kanak-kanak merupakan bahagian yang sangat kritikal dan berperanan penting terhadap tingkah laku dan perkembangan kanak-kanak. Ini kerana kebanyakan kanak-kanak banyak menghabiskan sebahagian waktu mereka di pusat penjagaan kanak-kanak. Oleh itu, persekitaran fizikal di pusat jagaan mempunyai hubungan yang bermakna kepada kanak-kanak tersebut (Maxwell & Evans, 2000).

Persekitaran fizikal di sekolah merangkumi objek yang boleh disentuh termasuk kemudahan sekolah seperti bangunan pentadbiran, bilik darjah, pejabat guru, makmal, perpustakaan, dan sebagainya. Persekitaran yang kondusif diperlukan agar dapat memberi keselesaan kepada murid untuk belajar. Manakala bilik darjah adalah kawasan terpenting dalam sekolah kerana di sini lah pelajar menghabiskan sebahagian besar masa mereka di sekolah (Raji, 2019). Pembelajaran di dalam kelas memerlukan tahap tumpuan, mendengar, menulis, dan membaca yang baik. Disamping itu, persekitaran sekolah yang baik dengan kemudahan yang mencukupi mampu membentuk tingkah laku, kreativiti, hubungan yang harmoni dan kemahiran menyelesaikan masalah di kalangan pelajar.

Kepentingan menjaga fasiliti persekitaran di sekolah amat penting bagi mengekang berlakunya masalah kesihatan atau penyakit kronik kepada murid (Lyons, 2002). Begitu juga dengan kebersihan dan kesihatan kanak-kanak prasekolah seperti di taska, tabika dan taman bimbingan swasta yang lain, pengusaha hendaklah memberikan perhatian yang rapi bagi memastikan mutu kebersihan dan kualiti persekitaran di pusat pendidikan awal kanak-kanak ini sentiasa terjamin agar kanak-kanak sihat dan ceria. Ini kerana masalah kesihatan akan memberikan kesan negatif terhadap pembelajaran murid. Bagi memastikan pelajar boleh kembali ke sekolah dan pusat jagaan kanak-kanak boleh di buka seperti biasa (Ehrhardt, *et al* (2020) menyarankan supaya pihak sekolah mengambil langkah pencegahan seperti penyediaan kelas yang lebih besar,

memastikan pengudaraan kelas yang baik dan sentiasa memakai pelitup muka di sekolah iaitu di dalam dan di luar bilik darjah. Dengan adanya intervensi seperti ini, kadar jangkitan atau penyebaran wabak Covid-19 di sekolah dan pusat jagaan kanak-kanak dijangkakan akan tetap rendah.

Oleh itu pelbagai persiapan perlu dilakukan oleh pihak prasekolah atau tadika bagi mengekang penularan wabak ini. Tidak terkecuali dengan Tadika Mukim Temin, Kubang Pasu, Kedah. Pihak pengurusan dan guru perlu membuat pelbagai persiapan bagi memastikan fasiliti dan prasarana di Tadika mematuhi SOP yang ditetapkan, membuat penanda penjarakkan sosial di antara meja murid, membuat peraturan kepada murid dan lain-lain lagi.

Oleh itu, kepentingan kemudahan fasiliti di institusi pendidikan merupakan input yang penting yang bagi menghasilkan persekitaran pembelajaran yang baik, memudahkan interaksi dan meningkatkan pencapaian objektif pendidikan (Raji, 2019).

Waris dan penjaga (bentuk kerjasama waris dan penjaga dalam mematuhi SOP Ibu Bapa dan Kanak-Kanak)

Perkembangan kanak-kanak merupakan perubahan yang berlaku dalam diri kanak-kanak dari pelbagai aspek terutamanya perkembangan motor kanak-kanak. Perkara ini secara tidak langsung akan melibatkan ibu bapa dalam pendidikan awal persekolahan anak-anak mereka (Chandra, 2017). Kanak-kanak akan menimba pengalaman dalam aktiviti yang mereka lakukan di sekolah serta meningkatkan potensi perkembangan diri mereka dan membentuk sifat kematangan dengan bergaul bersama rakan-rakan (Jerry & Mohamed, 2021). Maka ibu bapa perlu memainkan peranan untuk terlibat secara aktif di dalam pengalaman prasekolah anak-anak mereka.

Pihak pengurusan sekolah seharusnya mengadakan lebih banyak aktiviti yang menjalinkan hubungan antara pihak sekolah, guru dan dan ibubapa dalam meningkatkan kemajuan murid-murid. Menurut McDowall & Schaughency, (2016) kolaborasi antara ibu bapa, komuniti setempat, guru dan pihak pengurusan sekolah memainkan peranan yang penting di dalam membentuk persekitaran yang positif. Penglibatan antara pengurusan sekolah, guru dan ibu bapa juga dapat membina kepercayaan dan kolaborasi untuk perkembangan anak-anak terutamanya kanak-kanak prasekolah serta dapat menunjukkan teladan yang baik untuk mereka.

Walaubagaimanapun pendidikan murid-murid mula terjejas apabila sekolah dan pusat jagaan kanak-kanak diarahkan tutup akibat pandemik Covid-19. Perkara ini mencetuskan kerunsingan kepada ibu bapa kerana mereka perlu mengambil alih tugas guru mendidik murid-murid di rumah. Kajian Samuelsson, Wagner, & Ødegaard, (2020) berkaitan pandemik Covid-19 dan pembelajaran prasekolah di Norway, Sweden dan United States, menunjukkan ibu bapa terpaksa menguruskan pembelajaran anak-anak sepanjang hari. Ibu bapa perlu mempertimbangkan cara terbaik menguruskan anak-anak mereka kerana sesetengah keluarga tidak mampu menggalas tanggungjawab ini.

Di Sweden, prasekolah di bawah subsidi negara di mana ibu bapa bekerjasama dengan pihak sekolah (state-subsidized parent-cooperative preschool), ibu bapa berkongsi tanggungjawab untuk keseluruhan organisasi dan pengurusan sekolah. Ibu bapa bersama kakitangan sekolah bekerjasama merancang dan melaksanakan aktiviti harian sekolah dan mengawasi kanak-kanak. Ketika keadaan pandemik Covid-19 sangat serius, perkara utama yang diberi perhatian di prasekolah adalah kakitangan prasekolah dan Pentadbir Penasihat Ibu Bapa bersama-sama

membuat Pelan Tindakan Krisis (Crisis Action Plan). Ia bertujuan sebagai sumber rujukan bagi mencegah dan mengurangkan penyebaran virus Covid-19 di prasekolah.

Di Malaysia, pembukaan kembali institusi pendidikan seperti sekolah dan prasekolah sedikit sebanyak memberi kelegaan kepada ibu bapa yang terpaksa keluar bekerja. Walaupun begitu, pihak institusi yang terlibat haruslah mematuhi Garis Panduan Pengurusan Dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu 2.0 yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Ibu bapa disarankan memberi kerjasama dan membantu pihak pengurusan dalam menguruskan anak-anak mereka semasa di sekolah dengan mematuhi garis panduan SOP yang telah ditetapkan. Selain itu, motivasi dan sokongan moral yang berterusan daripada ibu bapa terutama dalam tempoh pandemik Covid-19 sedikit sebanyak dapat membantu pihak sekolah memastikan perancangan yang dilakukan berjalan lancar (Syed Chear et al, 2021).

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan merujuk data kepustakaan dan diperkukuhkan oleh data empirikal. Pendekatan fenomenologi diaplikasi, bertujuan untuk memahami pengalaman sebenar berdasarkan situasi atau peristiwa tertentu. Fokus utama adalah untuk memahami pengalaman individu yang terlibat dengan pematuhan SOP dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pengusaha dan pentadbir tadika, guru, serta waris pelajar dalam usaha mematuhi SOP selama tempoh PKP. Kaedah temubual dan observasi digunakan untuk mendapatkan pemahaman mendalam berdasarkan situasi sebenar yang berlaku dalam tempoh PKP. Analisis data dilakukan melalui kaedah *general inductive method* untuk kajian kualitatif seperti yang dinyatakan oleh Miles, Huberman & Saldana (2014).

Proses pemilihan responden adalah langkah penting dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat dari kumpulan tertentu yang mewakili populasi yang lebih besar. Dalam kajian ini, teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan. Persampelan kajian ini melibatkan tiga buah tadika swasta dan satu tadika kerajaan. Setiap Tadika ini diwakili satu (1) orang Guru Besar/ pengusaha, dua (2) orang ahli pentadbir, dua (2) orang guru dan dua (2) orang ibu bapa/waris. Jumlah keseluruhan responden bagi tiga buah Tadika ialah 21 orang. Selain itu pemerhatian juga dilakukan terhadap penyediaan prasarana dan fasiliti yang terdapat di premis bagi memastikan SOP dilaksanakan dan dipatuhi sepenuhnya.

Dalam kajian ini, soalan temu bual Soalan-soalan temu bual dibina dengan merujuk kepada objektif penyelidikan dan sorotan karya. Hal ini supaya soalan-soalan yang terbina dapat menghasilkan dapatan kajian yang relevan dengan objektif kajian. Jadual 1 menunjukkan soalan-soalan temu bual yang terbina hasil daripada perbincangan dan rujukan daripada kajian-kajian lepas (Duran, 2021; Syed Chear, Hamzah, Mohd Zin, Darini., Jaswir., & Mat Nazir, 2021; Senin, & Halim, 2021) dan disusun berdasarkan objektif kajian.

Jadual 1: Soalan Temubual

Objektif Kajian	Soalan Temubual
1. Mengkaji ketersediaan fasiliti di TADIKA bagi mematuhi SOP Pentadbir	1) Adakah tadika berupaya melaksanakan aktiviti pembersihan dan disinfeksi secara menyeluruh di dalam dan di luar premis? 2) Berapa kalikah tadika melakukan proses pembersihan dan disinfeksi di premis dalam sehari? 3) Apakah persediaan yg dilakukan tadika sebelum membuka/beroperasi kembali darisegi ? prasarana maklumat dgn guru/kakitangan iii) memberikan latihan kepada guru dan kakitangan berkaitan isu kebersihan dan keselamatan bagi mencegah penularan Covid-19 4) Label penjarakan sosial terdapat di lokasi strategik di dalam tadika dan sekitar premis. 5) Tadika mempunyai tatacara yang jelas untuk tidak membenarkan pelawat masuk ke premis. 6) Adakah terdapat panduan penggunaan pelitup mulut dan hidung, pencuci tangan dan langkah mencuci tangan terdapat di lokasi strategik didalam dan luar premis tadika.
2. Meneliti bentuk kerjasama waris dan penjaga dalam mematuhi SOP Ibu Bapa dan Kanak- Kanak	1) Apakah yang tuan / puan lakukan untuk menyokong tindakan yang dijalankan oleh pihak Tadika? 2) Bagaimanakah cara tuan / puan memberikan kerjasama atau melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan oleh pihak Tadika dan guru dalam tempoh pandemik ini? 3) Bagaimanakah cara tuan / puan memberikan sumbangan sekiranya pihak sekolah memerlukan bantuan dalam tempoh ini? 4) Apakah faktor yang mempengaruhi sumbangan tuan / puan?

Jadual 1 menunjukkan soalan yang dibentuk berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini.

Data dipungut menggunakan kaedah temu bual iaitu responden dihubungi secara atas talian dan juga bersemuka mengikut SOP dan metod observasi dilakukan bagi memahami keadaan sebenar yang berlaku di Tadika dalam tempoh PKP. Temu bual dilakukan di kalangan guru besar/ pengusaha, ahli pentadbir, guru prasekolah, dan ibu bapa/ waris atau penjaga secara berasingan dan berperingkat bagi mematuhi SOP. Selain itu, sebelum temu bual dilakukan penyelidik perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak yang boleh memberi kebenaran bagi membolehkan kajian lapangan dijalankan (Creswell, 2000). Analisis data kualitatif dilakukan dalam tiga fasa: kondensasi data (*data condensation*), pembentangan data (*data display*), dan melakar rumusan dan pengesahan (*drawing conclusion and verification*).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Ketersediaan fasiliti di tadika dalam mematuhi SOP

Hasil kajian dari segi ketersediaan fasiliti di tadika dalam mematuhi SOP berdasarkan kepada pemerhatian di premis tadika dan temubual dengan pengusaha, guru besar dan guru, penyelidik dapat merumuskan bahawa keperluan SOP seperti yang ditetapkan oleh KPM dan Kementerian

Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perpaduan Negara, secara keseluruhannya telah berjaya dipatuhi dan disediakan di premis. Pihak pengurusan dan guru telah berusaha membuat pelbagai persiapan bagi memastikan fasiliti dan prasarana di Tadika mematuhi SOP yang ditetapkan. Antaranya, meletakkan penanda penjarakkan sosial di antara meja murid, mempamerkan peraturan diruang masuk premis, menyediakan sabun pencuci tangan dan sanitasi dan lain-lain lagi. Lebih spesifik premis tadika berkenaan telah membuat persediaan fasiliti dari segi:

i) Penyampaian Maklumat

Pihak tadika iaitu pengusaha atau guru besar akan mendapatkan maklumat berkenaan pelaksanaan dan pematuhan SOP dari pihak atasan iaitu JPN, PPD dan KKM berkaitan pembukaan dan persediaan yang perlu dilakukan sebelum beroperasi. Perkara ini dinyatakan sendiri oleh pengusaha dan guru besar, di mana mereka perlu mendapatkan maklumat yang betul dan lengkap bagi mengelakkan sebarang masalah yang timbul yang boleh menyebabkan premis diarahkan tutup dan dikenakan tindakan oleh pihak berwajib.

ii) Prasarana

Dari segi prasarana, pihak tadika beserta guru dan kakitangan telah membuat persiapan menyusun meja murid dengan penjarakan mengikut SOP, membuat petak kotak sempadan kawasan setiap murid dan membuat anak panah penunjuk arah pergerakan di dalam dan di sekitar premis Tadika. Walaubagaimanapun, pengusaha, guru besar dan guru menyatakan penjarakan sosial antara murid sukar dilaksanakan kerana ruang premis adalah terhad untuk menampung bilangan murid yang ramai.

iii) Penyampaian Maklumat kepada Guru dan Kakitangan

Maklumat disampaikan dari masa ke semasa kepada guru dan kakitangan bagi memastikan guru dan kakitangan sentiasa berada dalam keadaan selamat. Pengusaha dan guru besar sentiasa memberi peringatan agar guru dan kakitangan menjaga diri dan mematuhi SOP apabila berada di luar kawasan sekolah atau di luar waktu bekerja. Ini sebagai langkah pencegahan untuk menjaga keselamatan dan kesihatan guru dan kakitangan yang hadir ke sekolah. Pihak sekolah juga menyediakan kit ujian sendiri Covid-19 dan mengarahkan setiap guru untuk melakukan ujian sendiri di rumah sebelum hadir ke sekolah. Selain itu, bagi memastikan maklumat sampai kepada guru dan kakitangan, pengusaha atau guru besar membuat group WhatsApp dan mempamerkan poster atau meletakkan *bunting* berkaitan SOP bagi memastikan guru dan kakitangan sentiasa patuh pada SOP.

iv. Sanitasi dan Penyaringan

Berdasarkan hasil dapatan temubual bersama pengusaha dan guru besar, pihak sekolah berupaya melaksanakan aktiviti pembersihan dan disinfeksi secara menyeluruh di dalam dan di luar premis tadika sebelum beroperasi dan juga semasa tadika dibuka. Guru membuat sanitasi setiap hari sebanyak 2 kali, iaitu selepas sesi sekolah pagi dan selepas sesi petang setelah murid-murid pulang. Disinfeksi dilakukan di semua kawasan seperti kelas, dapur, bilik air dan bilik-bilik yang digunakan untuk aktiviti murid. Dari segi penyaringan murid pula iaitu semasa tadika beroperasi, hasil dapatan temubual mendapati murid di Tadika di saring dua atau tiga kali sehari iaitu semasa tiba di tadika pada waktu pagi, pada waktu rehat tengah hari dan sebelum pulang ke rumah.

Ketika bacaan suhu diambil pada waktu pagi sebelum masuk ke tadika, jika suhu murid didapati tinggi iaitu melebihi 37.5 darjah celsius, guru akan meminta ibu bapa untuk membawa anak

mereka pulang semula ke rumah. Murid tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan premis tadika. Manakala semasa tamat waktu persekolahan jika saringan mendapati suhu badan murid tinggi, guru akan memaklumkan kepada ibu bapa supaya tidak menghantar anak mereka ke tadika pada keesokan hari sehingga murid tersebut sihat dan tidak bergejala.

Sekiranya didapati murid atau kakitangan positif Covid-19 pihak tadika akan menghubungi pusat kesihatan daerah (PKD) untuk melaporkan keadaan tersebut. Pusat kesihatan akan datang membuat pemeriksaan terlebih dahulu dan mengeluarkan notis arahan penutupan tadika. Pihak tadika juga akan menghantar memo kepada semua waris untuk memastikan anak-anak mereka sihat dan tidak bergejala. Selain itu, pihak tadika juga tidak membenarkan pelawat memasuki kawasan premis. Pihak tadika mempunyai tatacara yang jelas sebelum membenarkan pelawat masuk. Contohnya, hanya agensi daripada kerajaan atau swasta yang berkepentingan seperti bomba, polis, KKM, JPN dan waris yang hadir untuk tujuan rasmi seperti membayar yuran dibenarkan masuk.

Kerjasama Waris Dan Penjaga Dalam Mematuhi SOP Ibu Bapa Dan Kanak-Kanak

Tadika sangat mengharapkan kerjasama penuh dari ibu bapa, waris dan penjaga dalam mengekang penyebaran Covid-19 di kalangan pelajar. Harapan besar diletakkan kepada ibu bapa atau waris untuk memberikan sokongan dan bekerjasama dengan pihak tadika dalam mengendalikan anak-anak mereka. Ibu bapa atau waris yang membawa anak-anak ke tadika selalu ditekankan untuk mengikuti SOP yang ditetapkan.

Berdasarkan temubual yang dijalankan bersama salah seorang pengusaha tadika, beliau menyatakan ibu bapa memberikan kerjasama yang baik. Sekiranya mereka mendapati anak-anak mereka mempunyai gejala seperti batuk dan selesema mereka tidak akan menghantar anak mereka ke tadika. Ibu bapa atau penjaga dilarang masuk ke kelas tadika. Mereka juga harus memastikan anak-anak tidak membawa beg sekolah, makanan dan minuman ke tadika. Selepas sesi persekolahan, ibu bapa disaran untuk membawa anak mereka pulang dengan segera. Berdasarkan temubual dengan salah seorang pemilik tadika, beliau berpendapat bahawa kebanyakan ibu bapa memberikan kerjasama yang positif. Jika mereka menyedari anak mereka menunjukkan gejala seperti batuk atau selesema, mereka akan memilih untuk tidak menghantar anak mereka ke Tadika. Namun, masih ada ibu bapa yang tidak mematuhi SOP, contohnya ibu bapa menghantar anak-anak mereka melepasi waktu yang telah ditetapkan oleh pihak tadika. Sebagai langkah tindakan, pihak tadika akan menghubungi ibu bapa yang berkenaan untuk menasihati mereka agar mematuhi SOP yang ditetapkan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dari aspek ketersediaan fasiliti bagi mematuhi SOP Pentadbir, kebanyakan tadika yang dikaji dan dilawati menyediakan fasiliti asas yang ditetapkan sebelum membuka semula premis dengan mematuhi syarat operasi norma baharu. Walau bagaimanapun, kualiti fasiliti yang disediakan bergantung juga kepada sama ada tadika tersebut adalah milik persendirian, badan bukan kerajaan (NGO) atau mendapat bantuan penuh kerajaan seperti Kemas. Ini menyebabkan terdapat beberapa pengusaha tadika yang menghadapi beban kewangan memandangkan menyediakan fasiliti mengikut SOP norma baharu ini memerlukan perubahan dan penambahbaikan serta penambahan prasarana di dalam dan di sekitar premis. Manakala kerjasama waris dan penjaga dalam mematuhi SOP Ibu Bapa dan Kanak-kanak semasa di tadika menunjukkan hubungan yang baik. Ini boleh disimpulkan sedemikian

memandangkan semua pihak berusaha sedaya upaya menjaga keselamatan kesihatan serta melindungi diri dan ahli keluarga daripada dijangkiti oleh virus Covid-19.

Rujukan

- Al Shatti, H., Leyland, C., Pykhtina, O., Roberts, E. E., Yang, S., & Donald, S. (2011). Parents' perspectives of government and private kindergarten systems in Kuwait. *ARECLS*, 8, 1-24.
- Bernama. Di ambil pada Jun 15 2021, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/garis-panduan-pengurusan-pembukaan-semula-prasekolah-dikeluarkan-247962>
- Bryant, J., Dorn, E., Hall, S., & Panier, F. (2020a). How to safely reopen schools after COVID-19 closures. McKinsey & Company. <https://www.mckinsey.com/industries/public-and-social-sector/ourinsights/safely-back-to-school-after-coronavirus-closures#>
- Chandra, E. (2017). Youtube, citra media informasi interaktif atau media penyampaian aspirasi pribadi. *Jurnal Muara Ilmu Sosial, Humaniora, dan Seni*, 1(2), 406-417.
- Creswell, J. W., & Miller, D. L. (2000). Determining validity in qualitative inquiry. *Theory into practice*, 39(3), 124-130.
- Dhawan, S. (2020). Online learning: A panacea in the time of COVID-19 crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5-22.
- Duran, M. (2021). The effects of COVID-19 pandemic on preschool education. *International Journal of Educational Methodology*, 7(2), 249-260.
- Ehrhardt, J., Ekinci, A., Krehl, H., Meincke, M., Finci, I., Klein, J., & Brockmann, S.O. (2020). Transmission of SARS-CoV-2 in children aged 0 to 19 years in childcare facilities and schools after their reopening in May 2020, Baden-Württemberg, Germany. *Eurosurveillance*, 25(36), 2001587.
- Ismail, H., Manja, S. A., Mohamad, I., & Sabri, M. S. A. (2020). The Level Of Preparation For Pandemic Influenza (Covid-19) Among Early Childhood Education Centre. *European Journal of Molecular & Clinical Medicine*, 7(2), 4884-4898.
- Jerry, F. N. A., & Mohamed, S. (2021). Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Kualiti Pendidikan Prasekolah Kerajaan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 225-235.
- Lyons, J. B. (2002). The Learning Environment: Do School Facilities Really Affect a Child's Education?. *Learning by design*, 11, 10-13.
- Maxwell, L. E., & Evans, G. W. (2000). The effects of noise on pre-school children's pre-reading skills. *Journal of Environmental Psychology*, 20 (1), 91-97.
- McDowall, P. S., Taumoepeau, M., & Schaugency, E. (2017). Parent involvement in beginning primary school: Correlates and changes in involvement across the first two years of school in a New Zealand sample. *Journal of school psychology*, 62, 11-31.
- MyGovernment, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (n.d). Mendapatkan Pendidikan Prasekolah. Diambil pada Jun 18, 2021, daripada <https://www.malaysia.gov.my/portal/subcategory/98?language=my>
- National Association for the Education of Young Children. (2020). NAEYC COVID-19 Statement | NAEYC. <https://www.naeyc.org/resources/blog/naeyc-covid-19-statement>
- Nassr, A. Aborujilah, D. A. Aldossary and A. A. A. Aldossary (2020). "Understanding Education Difficulty During COVID-19 Lockdown: Reports on Malaysian University Students' Experience," in *IEEE Access*, vol. 8.
- Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah (2007). Panduan Pendidikan Prasekolah. PTS Publication & Distributors Sdn Bhd: Bentong.
- PUTRI Zabariah Megat A. Rahman, Raja Hamizah Raja Harun, & Bustam Kamri. (2005). Tadika berkualiti. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.

